

28/06/2003

PM adakan majlis persandingan untuk kakitangan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali semalam mengadakan majlis persandingan pasangan pengantin kakitangan di Seri Perdana, majlis perkahwinan pertama yang diadakan di kediaman rasmi Perdana Menteri.

Pasangan pengantin, Azhar Md Rus, 24, dan Norlela Johar, 23, keduanya kakitangan di Kompleks Seri Perdana diraikan Dr Mahathir dan keluarganya bersama-sama keluarga pasangan itu serta kakitangan lain.

Dr Mahathir berkata, beliau sangat gembira kerana ini mungkin satu-satunya majlis perkahwinan di Seri Perdana sebelum beliau bersara Oktober depan.

"Ini kerana peluang untuk dua lagi anak untuk berkahwin, tak nampak lagi. Jadi tak dapat saya nak adakan majlis perkahwinan di sini.

"Apabila saya diberitahu bahawa kedua kakitangan saya ini akan berkahwin, berpeluang jugalah saya untuk adakan majlis perkahwinan di sini," katanya sebelum memulakan upacara tepung tawar kedua-dua mempelai.

Perdana Menteri berkata, beliau meminta supaya majlis persandingan kakitangan itu diadakan di Seri Perdana kerana tidak berpeluang menghadiri

upacara ijab kabul pasangan berkenaan di Kedah pada 22 Mei lalu.

Dengan nada hiba, Dr Mahathir turut mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan di Seri Perdana dan menganggap majlis perkahwinan itu juga sebagai majlis perpisahan bagi dirinya dan isteri.

"Semua yang bekerja di kompleks ini telah memberi khidmat terbaik dan menjaga kediaman ini dengan baik. Saya terhutang budi kepada semua. Saya dan isteri menghargai anda semua.

"Saya tak tahu sama ada anda semua akan meneruskan kerja di sini (selepas Oktober) tetapi jika masih bekerja, saya harap anda akan terus menjaga Kompleks Seri Perdana dengan baik," katanya.

Dr Mahathir juga mendoakan kebahagiaan pasangan pengantin itu dan berharap akan berkekalan selama-lamanya.

Azhar ketika ditemui berkata, beliau sungguh terharu dan berbangga dengan kesudian Perdana Menteri menganjurkan majlis perkahwinan itu.

"Saya tak sangka dan terkejut bila diberitahu yang Dr Mahathir nak kami bersanding di sini. Kami merasa amat terharu dan seronok," katanya yang mula berkhidmat di Seri Perdana sejak 2001 sementara Norlela memulakan perkhidmatannya sejak 1998.

Bapa Azhar, Md Rus Awang, 65, dan ibunya, Jamliah Lupiah, 51, bersama ibu Norlela, Fatimah Jusuh turut terharu dengan kesudian Perdana Menteri dan keluarga mengadakan majlis itu untuk anak mereka.